



FINAL EXAMINATION
MARCH 2024

COURSE TITLE **PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN**

COURSE CODE **MPU3183**

DATE/DAY **26 JUNE 2024 / WEDNESDAY**

TIME/DURATION **09:00 AM - 11:00 AM / 02 Hour(s) 00 Minute(s)**

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES :

1. Please read the instruction under each section carefully.
2. Candidates are reminded not to bring into examination hall/room any form of written materials or electronic gadget except for stationery that is permitted by the Invigilator.
3. Students who are caught breaching the Examination Rules and Regulation will be charged with an academic dishonesty and if found guilty of the offence, the maximum penalty is expulsion from the University.

(This Question Paper consists of 6 Printed Pages including front page)

*****DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL YOU ARE TOLD TO DO SO*****

Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) Bahagian. Anda dikehendaki menjawab SEMUA soalan dalam buku Jawapan yang disediakan. (50 Markah)

BAHAGIAN A

(10 Markah)

Terdapat SEPULUH (10) soalan di bahagian ini. Jawab SEMUA soalan dalam kertas jawapan OMR yang disediakan.

1. Istilah “peradaban” yang berasal daripada _____ digunakan bagi menjelaskan tentang maksud ketamadunan.
 - A. Bahasa Arab
 - B. Bahasa Jawa
 - C. Bahasa Sanskrit
 - D. Bahasa Cina
2. Kajian berkaitan dengan penghayatan etika dan peradaban ketika _____ menyentuh peranan selat Melaka sebagai laluan terpenting antara Timur, Barat dan Timur Tengah.
 - A. Kesultanan Melayu Islam Patani
 - B. Kesultanan Melayu Langkasuka
 - C. Kesultanan Melayu Melaka
 - D. Kesultanan Melayu Kedah Tua
3. Bilakah tempoh penjajahan Belanda sepanjang garis masa pembentukan Masyarakat Malaysia?
 - A. 1941-1945
 - B. 1509 - 1641
 - C. 1641 - 1824
 - D. 1641 – 1700

4. Apakah yang dimaksudkan dengan susur masa prakolonial?
- A. pendidikan prasejarah
 - B. Era sebelum penjajahan
 - C. Era Ketika penjajahan
 - D. Cabang ilmu kajian prasejarah
5. Penjajah manakah yang paling dominan dalam pemupukan serta pengembangan etika dan peradaban Barat di Malaysia?
- A. Jepun
 - B. Portugis
 - C. British
 - D. Belanda
6. Apakah kesan-kesan pengaruh barat terhadap Masyarakat Melayu?
- I. Adat dan tradisi masyarakat
 - II. Sistem pemerintahan dan pentadbiran
 - III. Sistem Pendidikan vernakular
 - IV. Sistem Politik
- A. I, II
 - B. II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
7. Apakah perkara utama dalam pembentukan etika dan peradaban majmuk di Malaysia?
- A. Migrasi
 - B. Pergaulan
 - C. Perdagangan
 - D. Perkahwinan

8. Teras utama dalam menjayakan pembinaan negara bangsa Malaysia ialah
- I. membudayakan Rukun Negara
 - II. perpaduan dalam masyarakat
 - III. perkongsian ideologi politik
 - IV. mengamalkan nilai-nilai murni
- A. I, II
 - B. I, II, III
 - C. I, II, IV
 - D. Semua di atas
9. Berikut ialah usaha-usaha kerajaan dalam memupuk perpaduan nasional **KECUALI**
- A. Memperkenalkan Rukun Negara
 - B. Menubuhkan Sekolah Wawasan
 - C. Menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
 - D. Membentuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu
10. Sebagai seorang pengguna ICT adalah **SALAH** sekiranya:
- A. Menjaga kelakuan dari sudut percakapan dan perbuatan semasa sedang *online* dengan seseorang.
 - B. Menghormati ruang rakan sekerja yang mungkin berbeza gaya bahasa dan budi bicara.
 - C. Mengelak dari berkongsi bahan yang tidak bermanfaat dan kurang nilai etika.
 - D. Mengajak rakan sejawat menyebarkan berita palsu yang tidak tahu dari manakah kesahihannya.

BAHAGIAN B

(10 Markah)

Terdapat DUA (2) soalan di bahagian ini. Jawab SEMUA soalan dalam buku jawapan yang telah disediakan.

1. Nyatakan LIMA (5) ciri-ciri kerangka bagi asas Perlembagaan. (5 Markah)
2. Senaraikan LIMA (5) akta undang-undang siber di Malaysia. (5 Markah)

BAHAGIAN C

(30 Markah)


Terdapat DUA (2) soalan di bahagian ini. Jawab SEMUA soalan dalam buku jawapan yang telah disediakan.

SOALAN 1

Malaysia kini terdiri daripada masyarakat superdiversity yang berbeza bahasa, budaya, warna kulit, agama, adat resam dan sebagainya. Justeru, superdiversity ini menjadi cabaran kepada masyarakat Malaysia untuk memperkukuhkan kesepaduan sosial yang dikecapi hari ini. Mengurus masyarakat superdiversity bukan suatu perkara yang mudah kerana ia memerlukan pelbagai pendekatan dan strategi supaya masyarakat dapat menerima serta membina hubungan bekerjasama. Pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam memantau hubungan masyarakat supaya tidak timbul konflik dan ketegangan. Jelaskan cabaran dan usaha dalam membentuk kesepaduan sosial di Malaysia.

(15 Markah)

SOALAN 2



Sebanyak 11,367 kes atau 61 peratus jenayah siber direkodkan dari Januari hingga Julai tahun 2022 dan angka tersebut dilihat semakin meningkat hingga kini. Terdapat enam jenis penipuan dalam talian iaitu Macau Scam, jenayah e-dagang, pinjaman tidak wujud, pelaburan tidak wujud, 419 scam atau lovescam, dan memancing data (phishing). Bincangkan langkah-langkah untuk mengelakkan daripada terus berlakunya kes penipuan jenayah siber ini.

(15 Markah)

*** KERTAS SOALAN TAMAT ***